



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PENELITIAN (C.1-2 EB.3)  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI PENELITIAN  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
C.1-2 EB.3(\$1,280 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Perangkaan atau bidang yang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berpengetahuan dan berpengalaman dalam kerja-kerja perangkaan adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menjalankan kerja-kerja susulan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan;
2. Meneliti dan memastikan data yang dikumpulkan adalah betul dan teratur;
3. Menjalankan kerja luar berkaitan dengan pengumpulan maklumat perangkaan;
4. Bersedia untuk menjalankan tugas di cawangan-cawangan Jabatan di daerah-daerah;



5. Membantu Ketua Seksyen dalam penyediaan laporan perangkaan;
6. Menyediakan persuratan dan jadual-jadual untuk kerja-kerja di luar pejabat;
7. Membantu dalam membuat kerja-kerja pengumpulan, penyusunan dan pengkodan bagi data tertentu;
8. Menyediakan perangkaan dan maklumat yang diperlukan oleh pengguna dan agensi berkenaan;
9. Memantau perkembangan dan prestasi kerja kakitangan-kakitangan di bawah seliaan; dan
10. Menjalankan tugas-tugas tertentu mengikut arahan yang diberikan oleh pegawai atasan.